

Pemilihan Bingkai dan Sumber Berita untuk Pembingkaian Berita Nasional dalam Akhbar Arus Perdana di Malaysia: Suatu Tinjauan di Kalangan Wartawan Belia

*Lee Kuok Tiung¹, Siti Suriani Othman², and Liana Mat Nayan³

¹*Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

²*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

³*Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, 31900 Kampar, Perak, Malaysia*

*lee@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti bingkai berita iaitu bingkai generik, sub-bingkai, serta sumber berita yang menjadi pilihan utama dalam penerbitan berita nasional oleh wartawan yang masih bergelar belia di akhbar arus perdana Malaysia. Pembingkaian berita digunakan sebagai kerangka teoritikal kajian ini yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan dalam kalangan wartawan-wartawan yang berumur 21 tahun sehingga 40 tahun yang terlibat secara langsung dengan penulisan berita nasional di 18 buah bilik berita akhbar arus perdana di Malaysia. Analisis ke atas jawapan daripada 332 orang responden menunjukkan bingkai-bingkai generik pilihan utama mereka adalah politik, jenayah, dasar dan polisi kerajaan, minat insan, dan juga sosial dan kemasyarakatan, manakala sub-bingkai yang paling kerap digunakan adalah kebertanggungjawaban publik, kebaikan publik, pembangunan, masalah-masalah sosial, dan ketelusan. Seterusnya sumber iaitu aktor berita yang kerap kali digunakan adalah daripada kluster pemimpin masyarakat yang merangkumi Perdana Menteri, menteri-menteri dan ahli-ahli politik. Ujian regresi yang dikendalikan membuktikan kewujudan hubungan yang signifikan antara bingkai generik dengan sub-bingkai, begitu juga antara bingkai dengan sumber berita. Ini juga bermakna setiap isu yang dibingkai bersama sesuatu peristiwa dan seseorang aktor berita sebenarnya adalah bertujuan menghasilkan makna yang dikehendaki oleh wartawan untuk kefahaman khalayak. Dari segi implikasi teoritikalnya, kajian ini memperkuatkannya premis skema pembingkaian yang menyatakan perlunya sebuah bingkai generik, sub-bingkai dan sumber berita dalam sesebuah berita.

Kata Kunci: *pembingkaian, bingkai, sumber berita, berita nasional, akhbar arus perdana.*

Abstract

The purpose of this study is to identify generic frames, sub-frames and news sources preferred by young journalists who are categorised as ‘youth’ in producing national news in Malaysian mainstream newspapers. Framing theory has been used as theoretical framework for this study which was carried out using survey method among journalists age between 21 to 40 years old who are involved directly in news writing from 18 newsrooms in Malaysian mainstream newspapers. Finding from 332 respondents indicate that the most preferred generic frames reported by this group of journalists are politics, crimes, government policies, human interest and social and societal. While, the most preferred sub-frames are public accountability, public good, development, social problems and transparency. The most used news actors are from political leader cluster which include prime minister, ministers and politicians. Regresion analysis clearly shows that there is a significant relationship between generic frame with sub-frame and also between frames with news sources. This also means issues that selected to be frame together with an event and news actor eventually aim to create meaning that the reporter plan for their audiences. Theoretically, this study has confirmed the premise of framing schemata which stated that require a generic frame, sub-frame and news sources in a news story.

Keywords: framing, frames, news source, national news, & mainstream newspaper.

Pengenalan

Usaha memahami kewartawanan tidak lengkap tanpa melihat proses penerbitan berita (Tuchman 1978) apatah lagi saban hari kelihatan industri persuratkhabaran di Malaysia semakin berkembang. Tidak kurang daripada 30 buah akhbar (*rujuk Lampiran 1*) yang berlainan bahasa sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil mahupun Bahasa Mandarin boleh diperolehi setiap hari. Di negeri Sabah sahaja terdapat 19 buah akhbar harian berbahasa Inggeris, Mandarin dan Melayu yang boleh dipilih pembaca. Akhbar arus perdana dalam konteks kajian ini merujuk kepada akhbar nasional iaitu *Utusan Malaysia, Harian Metro, Berita Harian, New Straits Times, Sin Chew Jit Poh, Nanyang Siang Pau* dan sebagainya yang mempunyai edisi tersendiri untuk pasaran mengikut negeri-negeri berbeza. Akhbar arus perdana tempatan pula termasuklah *Daily Express, New Sabah Times, The Borneo Post, Utusan Borneo, Oversea Chinese Daily News (OCDN), Asia Times, See Hua Daily* dan sebagainya yang sebahagiannya turut mempunyai edisi berbeza mengikut zon kawasan dalam Sabah dan Sarawak. Senario ini menunjukkan mediaskap di Malaysia memiliki keunikannya tersendiri kerana bukan sahaja akhbar-akhbar mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, tetapi industri akhbar Malaysia juga berkembang di kala nasib berbeza menimpa akhbar-akhbar di Barat yang gulung tikar misalannya yang terbaru akhbar *Rocky Mountain News* yang mempunyai sejarah 150 tahun di Amerika Syarikat, *News of the World* (sebuah tabloid di Britain yang mempunyai sejarah 168 tahun) memberhentikan penerbitan akhbar atas sebab-sebab yang pelbagai dan antaranya ialah sirkulasi yang semakin merosot.

Ditambah dengan pergolakan semasa yang berlaku dalam Malaysia terutamanya hal-hal yang menyentuh kesejahteraan dan kebajikan rakyat (isu-isu seperti *Bersih 2.0, Seksualiti Merdeka, PAGE, Hijau* dan sebagainya), peristiwa sebegini sentiasa mendapat tempat dalam dada muka akhbar arus perdana Malaysia. Keadaan ini juga sebenarnya sedikit-sebanyak mencerminkan kewartawanan di Malaysia yang mempunyai keunikannya yang tersendiri dan wajar diteliti. Sebagaimana menurut Epstein (1994), berita (iaitu output kewartawanan) berperanan mengiktiraf sesuatu isu mahupun peristiwa. Isu-isu yang mendapat liputan media akan menjadi wacana di kalangan pembaca dan seterusnya mengilhamkan pergerakan sosial dalam masyarakat. Begitu juga mana-mana individu yang dipetik sebagai aktor berita (sumber berita) dalam teks cerita berita secara tidak langsung juga merupakan suatu pengiktirafan terhadap autoriti dan kepakaran individu berkenaan berhubung perkara yang dibincangkan. Ini menunjukkan ada sesuatu yang istimewa tersirat berhubung amalan kewartawanan menanti untuk dibongkar.

Sehubungan ini, kemampuan akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia bertahan dalam mediaskap yang menyaksikan kehadiran lambakan portal-portal berita online (misalannya *Malaysiakini, Malaysia Today, The Malaysian Insider*, dan *Malaysia Chronicle*) melalui media baru internet antara lain boleh dilihat sebagai kekuatan kandungan akhbar yang dibangunkan oleh wartawan-wartawan di bilik berita berkenaan memenuhi citarasa dan kehendak pembaca di Malaysia. Untuk berita nasional yang diterbitkan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat bukan mudah. Ini terutamanya menepati citarasa khalayak media masa kini yang lebih kompleks terutama dengan kemunculan generasi muda yang berpendidikan tinggi dan liberal dari segi pemikiran mereka yang dipengaruhi oleh ilmu-ilmu daripada luar negara disebabkan fenomena globalisasi. Dalam hal ini, keterlibatan generasi baru menceburi diri dalam bidang kewartawanan turut dipercayai sedikit-sebanyak mempengaruhi konstruksi kandungan akhbar. Justeru itu, kajian ini bertekad memahami penerbitan berita nasional dalam akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia khususnya di kalangan wartawan yang masih tergolong dalam kelompok belia.

Pembingkaian, Bingkai Generik, Sub-Bingkai dan Sumber Berita

Konsep kewartawanan seperti format penulisan berita piramid songsang dengan penekanan kepada persoalan *5WIH* (*what, who, where, when, why, & how*) sudah tidak memadai untuk memahami kewartawanan. Keadaan ini telah membawa kepada kemunculan model dan teori komunikasi seperti teori penentuan agenda (yang diperkenalkan McCombs dan Shaw 1972), teori penonjolan (*priming*), teori panik moral (*moral panic*) dan teori pembingkaian (*framing*) untuk memahami proses penerbitan berita. Meskipun model-model ini semuanya berkisar kepada proses pengampangan berita, setiap satunya mempunyai premis yang berbeza dan keunikan yang tersendiri. Terbaru, dapatan kajian daripada Weaver (2007) yang menganalisis trend pengkaji-pengkaji komunikasi masa kini mendedahkan pemilihan teori pembingkaian sebagai kerangka teoritikal kajian telah meningkat mendadak jauh mengatasi model-model lain. Popularitinya semakin meningkat terutamanya disebabkan teori ini mampu memberi suatu skema pemberitaan yang lebih jelas dan menyeluruh.

Pembingkaian merupakan satu terma yang digunakan dalam kajian dan pembelajaran media (*lihat Tuchman 1978; Gans 1979; Gitlin 1980; Iyengar & Kinder 1987; Gamson & Modigliani 1989; Entman 1993, 2004; Pan & Kosicki 1993; Shoemaker & Reese 1996; Scheufele 1999; Scheufele 2006; Semetko & Valkenburg 2000; D'Angelo 2002; D'Angelo & Kuypers 2010*), sosiologi (*lihat Goffman 1974*), antropologi (*lihat Bateson 1972*) dan

psikologi (*lihat Kahneman & Tversky 1984; Reese 2001*) bersandarkan kepada pembangunan sosial dan fenomena sosial, melalui sumber media dan politik mahupun perubahan sosial atau organisasi untuk memperbaiki pandangan dan sebab-akibatnya.

Sarjana seperti Entman (1993: 55) misalannya mendefinisikan pembingkaian sebagai “suatu usaha memilih beberapa aspek daripada melihat dan menjadikan ianya lebih penting dalam teks komunikasi, dalam satu cara untuk membantu menyelenggara pendefinisan masalah, hubungan sebab-sebab tafsiran, tafsiran moral dan saranan untuk bertindak”. Entman juga menambah, membingkai adalah untuk “memilih beberapa aspek daripada satu pengertian realiti dan menjadikan ia lebih penting dalam menghubungkan sesuatu kandungan”. Beliau menjelaskan “untuk bingkai adalah untuk memilih sesesetengah aspek realiti yang dilihat dan menjadikannya lebih menonjol dalam teks komunikasi, dalam cara tersebut menaikkan definisi masalah tertentu, interpretasi sebab-akibat, pertimbangan moral dan cadangan pengolahannya”.

Pembingkaian berita dilihat sebagai pengganti kepada penentuan agenda yang dilihat tidak mampu memberitahu apa yang perlu difikirkan melalui suatu skema pemberitaan yang lebih sistematik dan mendalam terutamanya bila menyentuh tentang proses pemilihan dan penonjolan dalam penerbitan sesebuah berita. Pengisian dan pemilihan masalah-masalah (agenda-agenda) boleh menyorot keadaan kemasyarakatan, acara-acara dunia, serta sifat-sifat perwatakan seorang calon (kajian pembingkaian politik). Media akan mencadangkan apakah isu yang wajar mendapat perhatian serta berusaha mempengaruhi masyarakat terhadapnya menggunakan penekanan, pengecualian, dan hurai-hurai dalam sesebuah cerita berita. Untuk membingkaikan sesuatu perkara, keperluan utama ialah memilih beberapa aspek kenyataan yang diterima untuk membuat mereka lebih menonjol dalam satu perhubungan teks yang diibaratkan sebagai satu cara untuk menggalakkan sesuatu masalah tertentu, tafsiran bersebab, penilaian yang lebih dan juga untuk menghuraikan sesuatu cadangan rawatan.

Justeru, bingkai-bingkai berita adalah aspek kritikal kepada cara berita mempengaruhi masyarakat (Scheufele 1999) kerana bingkai berita menentukan perkara penting intipati utama dalam sesuatu isu. Scheufele (2006) merupakan sarjana yang banyak membincangkan tentang bingkai-bingkai dan memperkenalkan skema (*schemata*) pembingkaian untuk pelaporan berita. Beliau telah membezakan skema dan bingkai dalam wacana organisasi berita dengan pelaporan berita.

Sarjana-sarjana seperti Van Dijk (1985) pula mengemukakan persoalan mengapa item-item berita mempunyai seolah-olah suatu struktur tematik atau skema yang ingin dikaji dalam kajian ini. Beliau melihat cara berita dibingkai dalam media massa

adalah hasil daripada rutin profesional dan sosial wartawan. Nisbet (2006) menambah pengenalpastian dan aplikasi satu set umum bingkai-bingkai (sub-bingkai) di dalam sesuatu isu dominan harus menjadi matlamat umum analisis pembingkaian berita.

Vreese (2003) pula adalah antara sarjana yang pernah menyarankan agar literatur bagi pembingkaian media perlu dibahagikan kepada bingkai khusus (objek-objek tertentu) dan bingkai berita generik. Bingkai khusus memfokus kepada isu-isu atau topik-topik tertentu dengan meneliti secara terperinci dan sukar untuk membuat kesimpulan yang umum (holistik/ menyeluruh) tentang berita tersebut. Berita-berita yang bersifat umum, sebaliknya, adalah lebih luas skopnya dan boleh diaplikasikan kepada topik-topik dan isu-isu berita yang berlainan merentasi masa dan konteks budaya berbeza. Bingkai yang menjadi tapak atau asas kepada naratif adalah kritikal dan menjadi salah satu faktor utama kepada penerimaan atau penyingkiran sesebuah berita untuk terbitan.

Bingkai ini ditakrifkan sebagai “satu jalan sifat tanggungjawab bagi satu punca atau penyelesaian untuk sama ada kerajaan atau untuk seorang individu atau kumpulan”. Bateson (1972) memperkenalkan bingkai-bingkai (*frames*) sebagai suatu alat meta-komunikasi yang menetapkan parameter untuk “apa yang berlaku” (“*what is going on*”). Usaha Semetko dan Valkenburg (2000) mendapati bingkai tanggungjawab sering kali digunakan dalam suratkhabar. Mereka seterusnya menjelaskan penguasaan bagi bingkai tanggungjawab dalam media Belanda sebagai satu akibat terhadap pengaruh berpotensi bagi budaya politik negara pada media. Dapatkan kajian Semetko dan Valkenburg (2000) mendapati berita televisyen lebih kerap menggunakan bingkai konflik berbanding akhbar. Dalam sesuatu krisis, sebahagian bingkai krisis berkait langsung dengan isu-isu moraliti, implikasi daripada sesuatu kemalangan, kegagalan mengurus tadbir dengan baik, mahupun salah laku pengurusan.

Sarjana komunikasi dan sains politik seperti Scheufele (1999) dan Druckman (2001) biasanya menggunakan perkataan bingkai dalam dua cara. Pertama, “sebuah bingkai dalam komunikasi” atau “sebuah bingkai media” untuk merujuk kepada imej atau gambaran, frasa dan gaya pembentangan yang dibentangkan oleh penutur (seperti ahli politik, orang media) yang digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu isu atau peristiwa kepada khalayak (sebagaimana menurut Gamson & Modigliani 1989). Ini juga bermakna pembingkaian yang dipilih mendedahkan apa yang penutur (penerbit berita iaitu wartawan dan editor) nampak sebagai sesuatu yang relevan tentang topik yang ada. Kedua, “sebuah bingkai dalam pemikiran” merujuk kepada keperluan individu, kefahaman tentang situasi yang diberi. Tidak seperti dalam komunikasi, yang mana menggambarkan penekanan ataupun keutamaan penutur, “bingkai dalam pemikiran”

merujuk kepada apa yang khalayak percaya berkenaan aspek yang paling ketara serta menonjol tentang sesuatu isu. Hujah Entman (2004), pembingkaian digunakan untuk menyembunyikan kesalahan seseorang pemimpin besar seperti tindakan George W. Bush mengarahkan serangan ke atas Iraq, serta, mediad Barat juga ditunjukkan memanipulasi kekalahan Amerika Syarikat dalam Perang Vietnam dengan memaparkan diri mereka sebagai hero.

Dalam pada itu, pembingkaian berita turut melibatkan persembahan sumber komunikasi di samping pendefinisan sesuatu isu (Vreese 2005). Sarjana-sarjana seperti Wolfsfeld (1997, 2006) dan Reese (2007) pernah mendesak lebih banyak analisis hubungan yang sistematik antara sumber-sumber berita dengan bingkai-bingkai berita. Dalam konteks Malaysia, Faridah Ibrahim dan Mohd Safar Hasim (2005) pernah melakukan kajian penting menyentuh aspek ini dengan menekankan erti penting sumber berita di dalam media cetak dan elektronik. Pemilihan sumber berita dengan menitikberatkan mahupun berat sebelah kepada sebelah pihak berbanding kepelbagaian sumber-sumber alternatif lain merupakan salah satu teknik dalam pembingkaian yang telah dikenalpasti secara efektif menyumbang kepada keseluruhan kesan pembingkaian dalam sesebuah berita (Speckman & Bichler 1999).

Pendek katanya, sesebuah teks berita mesti mempunyai bingkai-bingkai berita yang telah dikenalpasti oleh wartawan untuk memulakan sesuatu proses konstruksi berita. Bingkai ini pula boleh dipecahkan kepada sebuah bingkai generik dan disokong oleh sub-bingkai yang sesuai. Bingkai berita sahaja tidak memadai untuk membentuk sebuah cerita berita dan ini memerlukan sumber berita sebagai aktor-aktor dalam isu-isu yang dibincangkan dalam berita.

Objektif

Objektif kajian ini adalah:-

- i.) mengenalpasti bingkai generik dan sub-bingkai yang menjadi pilihan utama untuk penulisan berita oleh wartawan yang tergolong dalam kumpulan belia di akhbar arus perdana di Malaysia.
- ii.) Mengenalpasti sumber berita yang sering digunakan oleh wartawan belia dalam penulisan berita mereka.
- iii.) Menguji hubungkait antara bingkai secara keseluruhannya dengan sumber berita turut diuji melalui analisis regresi.

Bertitik tolak daripada idea Scheufele (1999, 2004, 2006) yang membicarakan tentang bingkai-bingkai dan skema pembingkaian, kajian ini pertamanya bertekad untuk mengenalpasti bingkai generik dan sub-bingkai yang menjadi pilihan utama untuk penulisan berita oleh wartawan yang tergolong dalam

kumpulan belia di akhbar arus perdana di Malaysia. Kecenderungan bingkai-bingkai yang dipilih untuk cerita berita nasional dengan membezakan bingkai-bingkai tersebut kepada bingkai generik (umum) dan sub-bingkai atau dalam erti kata lain sesuatu isu diambil untuk dibincangkan bersama-sama dengan sesuatu isu yang baharu merupakan sesuatu yang unik untuk diketahui. Responden kajian ini terdiri daripada belia kerana ini secara tidak langsung mencerminkan persepsi-perspsi yang dilontarkan oleh mereka untuk kefahaman khalayak. Meskipun khalayak lazimnya akan menginterpretasi sesuatu mesej yang disampaikan kepada mereka dengan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengalaman (*prior knowledge*), pendidikan, demografi, dan sebagainya, kita tidak boleh menafikan akhbar sentiasa berjaya mempengaruhi khalayak mereka untuk mempercayai dan menerima realiti yang dicipta oleh media sebagaimana dijelaskan oleh Tuchman (1978). Kedua-dua bingkai tersebut dipercayai saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam masa sama, kajian ini turut akan melihat Seterusnya,

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berpandukan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data yang dikehendaki. Fokus kajian adalah kepada wartawan-wartawan belia di organisasi berita akhbar-akhbar arus perdana daripada tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Keseluruhannya seramai 332 orang responden daripada 18 buah akhbar yang mewakili tiga bahasa utama tersebut telah diterima guna untuk penganalisisan data ini. Bagi membuktikan kedua-dua bingkai generik dan sub-bingkai berhubungkait rapat, suatu analisis regresi akan dikendalikan untuk membuktikan hubungan tersebut. Analisis regresi (*multiple regression*) adalah teknik statistik yang membolehkan penyelidik menguji hubungan antara satu variabel bergantung tunggal dengan beberapa variabel-variabel bebas (Tabachnick & Fidell, 2007; Hair et al., 2006). Seterusnya, kajian ini turut bertekad untuk mengenalpasti sumber berita iaitu keutamaan aktor-aktor berita yang dipetik di dalam teks berita. Memandangkan kajian ini memfokus kepada wartawan yang berada dalam kategori belia sahaja, dari segi penapisan (*screening/scoping*) pensampelan telah menetapkan hanya wartawan atau editor yang berumur 40 tahun atau ke bawah sebagai responden kajian sesuai dengan penakrifan belia iaitu peringkat umur yang tidak melebihi 40 tahun.

Dapatan Kajian

Taburan Responden mengikut Akhbar

Berdasarkan kepada 332 responden kajian daripada 18 buah akhbar arus perdana di Malaysia, seramai 202 (60.8%) responden adalah dari Semenanjung Malaysia yang berpusat di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya iaitu *Utusan Malaysia*, *Sin Chew Daily*, *Nanyang Siang Pau*, *China Press*, *Harian Metro*, *New Straits Times* dan *Berita Harian*. Selebihnya 130 (39.2%) responden adalah daripada akhbar-akhbar yang berpusat di Sabah dan Sarawak iaitu dari Kuching, Sarawak yang terdiri daripada *See Hua Daily* (Sarawak), *Utusan Borneo* (Sarawak), *Utusan Sarawak*, *International Times*, *Eastern Times* (kini dikenali sebagai *New Sarawak Tribune*) dan *The Borneo Post* (Sarawak), manakala dari Kota Kinabalu, Sabah adalah *Utusan Borneo* (Sabah),

Daily Express, *New Sabah Times*, *The Borneo Post* (Sabah) dan *See Hua Daily* (Sabah).

Dari segi pembahagian jantina, seramai 147 (44.3%) responden adalah lelaki dan 185 (55.7%) responden perempuan. Pecahan etnik responden menyaksikan 121 (36.4%) responden adalah Melayu, 144 (43.4%) responden Cina, 16 (4.8%) responden India, dan 51 (15.4%) responden terdiri daripada pelbagai etnik tempatan Sabah dan Sarawak. Seterusnya dari segi pengagihan agama, responden mendedahkan 129 (38.9%) daripada mereka beragama Islam, 93 (28.0%) responden beragama Buddha, 13 (3.9%) responden beragama Hindu dan 97 (29.2%) responden beragama Kristian. Hanya 23.2 peratus sahaja iaitu 77 responden yang memiliki kelayakan akademik sekolah menengah (sama ada SPM atau STPM) kerana majoriti responden iaitu 76.8 peratus atau 255 responden mempunyai kelayakan akademik universiti iaitu sama ada diploma atau ijazah sarjana muda.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Akhbar

Akhbar	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratus (%)
<i>Utusan Malaysia</i>	39	11.7
<i>See Hua Daily</i> (Sarawak)	14	4.2
<i>Utusan Borneo</i> (Sabah)	4	1.2
<i>Utusan Borneo</i> (Sarawak)	17	5.1
<i>Daily Express</i>	10	3.0
<i>Utusan Sarawak</i>	17	5.1
<i>International Times</i>	15	4.5
<i>Eastern Times</i>	16	4.8
<i>Harian Metro</i>	30	9.0
<i>New Sabah Times</i>	8	2.4
<i>Sin Chew Daily</i>	28	8.4
<i>Nanyang Siang Pau</i>	32	9.6
<i>China Press</i>	23	6.9
<i>New Straits Times</i>	23	6.9
<i>Berita Harian</i>	27	8.1
<i>The Borneo Post</i> (Sabah)	9	2.7
<i>The Borneo Post</i> (Sarawak)	16	4.8
<i>See Hua Daily</i> (Sabah)	4	1.2
JUMLAH	332	100.0

N = 332

Merujuk kepada Jadual 1, wartawan dari akhbar *Utusan Malaysia* mencatatkan bilangan responden tertinggi iaitu sebanyak 39 orang daripada jumlah keseluruhan 332 responden yang diperolehi dengan mencatatkan 11.7 peratus. Umumnya 62 peratus daripada jumlah keseluruhan responden kajian ini adalah daripada wartawan-wartawan belia di bilik berita akhbar-akhbar arus perdana yang beribu pejabat di Semenanjung Malaysia. Ini adalah berdasarkan persampelan yang dilakukan mengikut peratus jumlah wartawan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Responden dari akhbar-akhbar dari Sarawak mewakili 28 peratus keseluruhan

responden kajian ini iaitu bersamaan dengan 95 orang. Responden daripada akhbar-akhbar Sabah mewakili 10 peratus daripada jumlah keseluruhan responden kajian ini. Responden daripada akhbar berbahasa Melayu mempunyai jumlah paling besar iaitu 40.2 peratus dengan diikuti responden dari akhbar-akhbar berbahasa Mandarin mewakili 34.0 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Dari segi pengalaman kerja, 72.2 peratus (243 orang) responden mempunyai pengalaman kerja antara tiga hingga 20 tahun. Hampir kesemua responden merupakan wartawan iaitu 314 orang bersamaan 94.6 peratus berbanding 18 responden (5.4%) editor.

Jadual 2: Skor Min Bingkai-bingkai Generik

Bingkai Generik	min (μ)	Sisihan Piawai (σ)
Politik	4.18	.91
Jenayah	4.08	.98
Dasar & Polisi Kerajaan	3.96	.98
Minat Insani	3.84	.91
Sosial & Kemasyarakatan	3.83	.97
Ekonomi	3.81	1.03
Kemalangan	3.74	1.03
Bencana Alam	3.68	1.08
Pendidikan	3.65	.93
Perundungan	3.62	.98
Moraliti	3.57	.92
Keadilan	3.54	.93
Hubungan Antarabangsa	3.52	.94
Kesihatan	3.47	.86
Pertahanan	3.45	.96
Pekerjaan	3.43	.91
Skandal	3.40	1.06
Konflik Senjata	3.37	1.06
Keganasan Rumahtangga	3.29	1.01
Imigrasi	3.21	.83
Budaya	3.21	.86
Sains & Teknologi	3.21	.83
Agama	3.03	.98

N= 332

Jadual 2 menunjukkan keutamaan bingkai-bingkai generik yang digunakan untuk menulis berita nasional dalam akhbar arus perdana di Malaysia. Bingkai politik dikenalpasti sebagai bingkai yang mendapat prioriti utama sebagai asas konstruksi berita nasional berdasarkan nilai min 4.18 ($\sigma = .91$). Ini bermakna, wartawan mencuba sedaya upaya melaporkan sesuatu objek berita yang diterima dari sudut politik. Ini disusuli dengan bingkai jenayah ($\mu = 4.08$, $\sigma = .98$) dan bingkai dasar dan polisi kerajaan ($\mu = 3.96$, $\sigma = .98$). Objek-objek untuk bingkai jenayah terdiri daripada sebarang kes mahkamah seperti kes pembunuhan, rogol, kecurian, pecah amanah, dan sebagainya. Kedudukan bingkai dasar dan polisi kerajaan di tempat ketiga tertinggi menunjukkan wartawan cuba membongkar kemungkinan salah dan silapnya datang daripada

dasar-dasar mahupun polisi berkaitan dengan peristiwa yang dilaporkan.

Bingkai generik yang menduduki tangga terendah adalah bingkai agama ($\mu = 3.03$, $\sigma = 0.98$) yang boleh jadi sebarang isu yang berkaitan dengan mana-mana agama yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Begitupun, berdasarkan skor min ini, sebenarnya kesemua bingkai generik tersebut tidaklah ketara jauh perbezaan prioriti mereka, malahan semuanya melepassi tahap sederhana malahan mencapai tahap tinggi jika berdasarkan garis panduan intrepretasi skor min bagi skala Likert lima poin oleh Hair et al. (2006). Hair menjelaskan skala di bawah dua sebagai ‘lemah’, dua hingga empat sebagai ‘sederhana’ dan empat dan ke atas sebagai ‘tinggi’.

Jadual 3: Min Skor Sub-Bingkai

Sub-Bingkai	min (μ)	Sisihan Piawai (σ)
Keberanggungjawaban Publik	4.13	.80
Kebaikan Publik	4.05	.84
Pembangunan	3.81	.87
Masalah-masalah Sosial	3.80	.89
Ketelusan	3.78	.93
Memerangi Rasuah	3.77	.96
Demokrasi	3.75	1.11
Patriotisme	3.73	1.05
Wawasan	3.67	.93
Norma-norma Sosial	3.58	.93
Anti-perang	3.55	1.06
Kemakmuran Ekonomi	3.51	.99
Anti-terrorism	3.51	.97
Kewangan	3.46	.84
Mesra Alam	3.45	.98
Kesan-kesan Ekonomi	3.44	.86
Kesesuaian Multi-etnik	3.43	.90
Anti-perkauman	3.29	1.03
Model Ekonomi yang Mampan	3.28	.93
Kepimpinan	3.27	.87
Pro-kerajaan	3.23	.94
Anti-seksisme	3.22	1.00
Jurang Masyarakat	3.18	.91
Malapetaka	3.12	.97
Konflik	3.07	.97
Stereotaip Perkauman	3.06	.95
Sekatan Penyertaan	3.01	.87
Kesan yang Tidak Disengajakan	2.93	.87
Anti-pembangkang	2.84	1.04
Insentif Peribadi	2.80	1.00

N = 332

Jadual 3 ini pula menunjukkan min skor sub-bingkai mengikut urutan keutamaannya. Analisis ini menunjukkan sub-bingkai keberanggungjawaban politik mendapat prioriti tertinggi di sebalik bingkai generik yang dipaparkan iaitu dengan nilai min 4.13 ($\sigma = .80$). Sub-bingkai kedua tertinggi yang digunakan adalah ‘kebaikan publik’ dengan min 4.05 dengan sisihan piawai .84. Ini diikuti dengan sub-bingkai ‘pembangunan’ ($\mu = 3.81, \sigma = .87$) sesuai dengan Malaysia sebagai sebuah negara membangun. Ini diikuti oleh sub-bingkai ‘masalah-masalah sosial’ di tangga ke-4 dengan min 3.80 ($\sigma = .89$) dan seterusnya diikuti sub-bingkai ‘ketelusan’ ($\mu = 3.78, \sigma = .93$).

Sepertimana isu-isu yang sering dilihat dalam berita nasional akhbar arus perdana di Malaysia, sub-bingkai seterusnya ialah ‘memerangi rasuah’ ($\mu = 3.77, \sigma = .96$), sub-bingkai ‘demokrasi’ ($\mu = 3.75, \sigma = 1.11$), sub-bingkai ‘patriotisme’ ($\mu = 3.73, \sigma = 1.05$), sub-bingkai ‘wawasan’ ($\mu = 3.67, \sigma = .93$), sub-bingkai ‘norma-norma sosial’ ($\mu = 3.58, \sigma = .93$),

sub-bingkai ‘anti-perang’ ($\mu = 3.55, \sigma = 1.06$), dan sub-bingkai ‘anti-terrorism’ ($\mu = 3.51, \sigma = .97$).

Sub-bingkai yang berkaitan dengan ekonomi iaitu sub-bingkai ‘kemakmuran ekonomi’ ($\mu = 3.51, \sigma = .99$), sub-bingkai ‘kewangan’ ($\mu = 3.46, \sigma = .84$), sub-bingkai ‘kesan-kesan ekonomi’ ($\mu = 3.44, \sigma = .86$), dan sub-bingkai ‘model ekonomi lestari’ ($\mu = 3.28, \sigma = .93$) yang semuanya menduduki bahagian pertengahan susunan urutan tersebut. Dua buah sub-bingkai iaitu ‘anti-seksisme’ ($\mu = 3.22, \sigma = 1.00$) dan ‘insentif peribadi’ ($\mu = 2.83, \sigma = 1.00$) memperolehi nilai sisihan piawai 1.00. Sub-bingkai ‘jurang masyarakat’ ($\mu = 3.18, \sigma = .91$), sub-bingkai ‘stereotaip perkauman’ ($\mu = 3.06, \sigma = .95$), dan sub-bingkai ‘konflik’ ($\mu = 3.07, \sigma = .97$) menduduki suku terakhir dalam urutan susunan tersebut.

Hasil analisis regresi turut menunjukkan hubungan yang kuat antara bingkai generik dengan sub-bingkai di mana wartawan berkecenderungan tinggi menggunakan sub-sub bingkai tersebut untuk menyokong bingkai generik bagi menghasilkan sebuah berita yang menarik.

Jadual 4: Analisis Regresi Hubungan Bingkai Generik dengan Sub-bingkai

Variabel	Beta (β)	nilai-p
Peramal (Konstan)	-	0.00
Bingkai Generik	.66	0.00
R ² = .43	F = 244.96	Sig. = .00

Variabel Bergantung: Sub-bingkai

Hasil analisis regresi memperolehi hubungan bingkai generik dengan sub-bingkai adalah signifikan. Nilai $F = 244.96$ adalah signifikan di bawah aras .01. Data daripada jadual menunjukkan bingkai generik menyumbang secara bererti kepada sub-bingkai dengan nilai signifikan $\rho = .00$ di bawah aras .01. Nilai $\beta = .66$ memberitahu berlaku peningkatan setiap unit bingkai generik, dan menyumbang kepada pertambahan .66 sub-bingkai. Nilai $r = .66^{**}$ (*pearson correlation*) dengan nilai signifikan $\rho = .00$ di bawah aras .01. Cohen (1988) menginterpretasi

nilai-nilai korelasi sebagai kecil atau lemah apabila nilai korelasi = .10 sehingga .29 atau $r = -.10$ sehingga -.29, sederhana apabila nilai $r = .30$ sehingga .49 atau $r = -.10$ sehingga -.29, dan besar atau kuat apabila nilai $r = .50$ sehingga 1.0 atau $r = -.50$ sehingga -1.0. Seterusnya, nilai R² = .43 menunjukkan bingkai generik mengandungi 43 peratus hubung ramalan ke atas sub-bingkai. Ini bermakna wujud hubungan yang signifikan antara bingkai generik dengan sub-bingkai.

Jadual 5: Min Skor Sumber-sumber Berita

Sumber Berita	min (μ)	Sisihan Piaawai (σ)
Pemimpin Masyarakat	3.57	.73
Belia	3.32	1.0
Pihak Berkuasa	3.25	.80
Saksi	3.20	1.05
Golongan Profesional	3.06	.61
Kumpulan Akademik	3.00	.84
Wartawan/ Editor	2.97	.91
Kakitangan Kerajaan	2.94	.59
Ketua Agama	2.96	1.06
Selebriti	2.95	1.08

N = 332

Jadual 5 pula menunjukkan skor min untuk jenis-jenis sumber berita atau lebih dikenali sebagai aktor-aktor berita dalam sesebuah teks berita yang menjadi pilihan utama bagi tujuan penerbitan berita oleh wartawan. Aktor-aktor berita ini telah dioperasikan ke dalam 10 kluster. Kluster pemimpin masyarakat yang boleh jadi sama ada ahli-ahli politik, Perdana Menteri, timbalan perdana menteri, menteri atau timbalan menteri kabinet persekutuan mahupun kerajaan negeri, wakil rakyat yang terdiri daripada ahli-ahli parliment dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan termasuk pemimpin-pemimpin atau

ketua-ketua masyarakat di peringkat daerah menjadi pilihan utama ($\mu = 3.57$, $\sigma = .73$) di kalangan wartawan-wartawan arus perdana yang digolongkan sebagai belia dalam pembikinan berita nasional.

Kluster kedua tertinggi adalah di kalangan belia ($\mu = 3.32$, $\sigma = 1.00$) yang terdiri daripada pelajar. Seterusnya adalah sumber berita daripada kluster golongan profesional ($\mu = 3.06$, $\sigma = .61$) yang merangkumi peguam, doktor, hakim, dan juruterbang. Kluster selebriti ($\mu = 3.95$, $\sigma = 1.08$) menduduki tangga tercorot dalam senarai pilihan wartawan untuk penulisan berita nasional.

Jadual 6: Analisis Regresi Hubungan Bingkai Generik dengan Sub-bingkai

Variabel	Beta (β)	nilai-p
Peramal (Konstan)	-	0.00
Bingkai	.32	0.00
R ² = .101	F = 36.67	Sig. = .00

Variabel Bergantung: Sumber Berita

Seterusnya kajian ini turut *compute* nilai bingkai generik dengan sub-bingkai untuk mendapatkan satu nilai tunggal dengan nama bingkai untuk suatu ujian hubungan dengan sumber berita. Hasil analisis regresi memperolehi hubungan bingkai dengan sumber berita adalah signifikan. Nilai $F = 36.67$ adalah signifikan di bawah aras .01. Data daripada jadual menunjukkan bingkai menyumbang secara signifikan kepada sumber berita dengan nilai signifikan $\rho = .00$ di bawah aras .01. Nilai $\beta = .32$ memberitahu bahawa peningkatan setiap unit bingkai menyumbang kepada pertambahan .32 sumber berita. Nilai $R^2 = .101$ menunjukkan bingkai mengandungi 10 peratus hubung ramalan ke atas sumber berita.

Ini menjelaskan mengapa individu-individu yang memberi kenyataan yang bercanggah dengan kehendak agenda media tidak disiarkan mahupun pihak media sebenarnya telah mengawal berdasarkan proses pengampangan (*gatekeeping*) dengan memilih merujuk kepada individu-individu yang akan memberi kenyataan yang mendukung agenda mereka sahaja. Ini bukan sahaja menjelaskan mengapa akhbar arus perdana jarang menyiaran pandangan daripada pembangkang tetapi boleh dikaitkan dengan saluran-saluran media alternatif tidak memberikan ruang kepada pemimpin-pemimpin kerajaan meluahkan pandangan mereka.

Generalisasi

Umumnya, bingkai generik yang menjadi pilihan utama wartawan belia dalam penerbitan berita nasional adalah politik, jenayah, dan dasar dan polisi kerajaan, manakala sub-bingkai terdiri daripada kebertanggungjawaban publik, kebaikan publik dan pembangunan. Hubungan antara objek (isu atau peristiwa hal ehwal semasa) dengan media adalah saling bergantung dan menguntungkan antara satu sama lain. Sesuatu objek berita tidak membawa sebarang makna selagi wartawan belum memasukkan bingkai-bingkai dan kosmetik pada struktur teks berita. Sesebuah berita kebiasaannya mempersempahkan lebih daripada satu bingkai dengan salah satunya bertindak sebagai bingkai generik dan selebihnya sebagai sub-bingkai. Kedua-dua jenis bingkai ini mesti saling berhubungkait sepetimana dibuktikan melalui analisis hubungan ($r = .66^{**}$) dalam kajian ini. Dalam masa sama sesebuah bingkai berita juga memerlukan sumber berita yang mempunyai nilai berita yang tinggi untuk menjadikannya lebih menarik dan ‘besar’. Adakalanya aktor berita sendiriberupaya membantu meningkatkan daya tarikan sesebuah berita khususnya personaliti-personaliti yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat seperti ahli-ahli politik dan artis.

Berdasarkan hasil analisis kajian ini, penemuan kajian mentakrifkan pembingkaian sebagai penentuan sosial yang bersifat dinamik. Setiap teks berita yang dihasilkan mempunyai agenda dan matlamatnya yang

tersendiri menurut acuan wartawan. Di sini, hasil pembingkaianlah yang memberikan kefahaman pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam sesuatu skandal, serta penanda aras imej yang dipotretkan kepada seseorang pemimpin sehingga dilabel sebagai takut isteri, *Mr Nice Guy*, seorang pemimpin yang futuristik dan sebagainya. Penulis sesuatu teks mesej sebenarnya juga boleh menunjukkan ayam bertelur mempunyai hubungkait dengan daun mati gugur dari pokok menerusi pembingkaian berita dengan bermain dengan elemen logik dan rasional dalam pemilihan dan cara mana membingkaikannya. Kadar kejayaan mempengaruhi khalayak bergantung kepada kepengetahuan penerima tentang sesuatu peristiwa tersebut dan usaha pencarian maklumat untuk mendapatkan kesahan cerita yang melalui proses pembingkaian tersebut disampaikan.

Kesimpulan

Umumnya, hubungan signifikan yang ditunjukkan antara ketiga-tiga variabel utama kajian ini mendedahkan kaitan antara bingkai generik, sub-bingkai dan sumber berita yang bertindak sebagai pelengkap antara satu sama lain. Ini menjelaskan setiap isu atau hal yang dipilih oleh wartawan untuk dihirau bersama dengan sesuatu isu lain dan aktor berita dalam sesebuah berita sebenarnya adalah dengan sengaja dengan motif yang terancang. Bingkai generik politik dan jenayah dan sub-bingkai kebertanggungjawaban publik, dan kebaikan publik masing-masing menduduki dua tangga teratas yang menjadi pilihan utama dalam pemilihan berita dan cuba ditonjolkan dalam sesebuah teks berita yang dihasilkan oleh wartawan belia. Penemuan ini sedikit-sebanyak menjawab kemusykilan limpahan tentang berita-berita politik dan jenayah yang disiarkan dalam akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia.

Meskipun kertas kerja ini tidak membincangkan keseluruhan skema pemberitaan yang disentuh oleh Scheufele (1999), apa yang ditekankan amat penting untuk membantu memberikan garis panduan yang lebih jelas berbanding sekadar saranan piramid songsang mahupun 5W1H terutamanya dalam konteks dunia kewartawanan moden. Pembingkaian sebenarnya membantu menjawab dua persoalan yang paling rumit dalam 5W1H iaitu ‘apa’ dan ‘mengapa.’ Perkembangan ini menyaksikan tugas wartawan menjadi semakin teratur, tetapi dalam masa yang sama semakin kompleks kerana wujudnya tekanan-tekanan batas masa yang semakin mencemburui. Pembingkaian yang baik juga merupakan nilai tambah kepada artikel berita tersebut.

Dengan kekuatan ini, pembingkaian berupaya membuatkan sesuatu isu mahupun jenama menjadi lebih penting, malah mampu mempengaruhi cara masyarakat untuk memahaminya, memikirkannya dan seterusnya bertindak. Ini misalannya jika bingkai integriti dan ketelusan dibingkaikan bersama dengan

bingkai moraliti mahupun yang berkaitan dengan pegangan agama seseorang, nescaya ia akan menghasilkan impak yang sangat tinggi. Hal ini kerana, dalam pembingkaian berita, wartawan boleh mengkonstruk persepsi-persepsi yang berbeza untuk memberi kesan yang berbeza ke atas khalayak mereka. Selain itu, model pembingkaian juga mampu membantu mengenalpasti faktor-faktor yang menentukan cara maklumat dikonstrukt dalam teks komunikasi (berita) seperti bagaimana mesej-mesej berita dicipta, bagaimana berita diproses, dan bagaimana kesan-kesan itu dihasilkan. Sebenarnya ada garis panduan iaitu seperti yang ditunjukkan dalam kajian ini, skema pemberitaan yang mendasari konstruksi berita. Justeru, apa yang diperlukan wartawan masa kini adalah suatu skema penulisan (pemberitaan) yang lebih holistik, dan kajian ini menghujahkan bahawa kerangka teoritikal pembingkaian dan kefahaman tentang sumber berita membantu ke arah usaha memahami pemberitaan yang sebenar.

Bibliografi

- Bateson, G. 1972. A Theory of Play and Fantasy. Dlm. Bateson, G. (pnyt.). *Steps to an Ecology of Mind: A Revolutionary Approach to Man's Understanding of Himself*, hlm. 177-93. New York: Ballantine Books.
- D'Angelo, P. 2002. News Framing as a Multiparadigmatic Research Program: A Response to Entman. *Journal of Communication* 52(4): 870-888.
- D'Angelo, P. & Kuypers, J.A. (pnyt.). 2010. *Doing News Framing Analysis: Empirical and Theoretical Perspectives*. New York: Routledge.
- Druckman, J.N. 2001. On the Limits of Framing Effects: Who can Frame? *The Journal of Politics* 63(4): 1041-1066.
- Entman, R.M. 1993. Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication* 43(4): 51-58.
- Entman, R.M. 2004. *Projections of Power: Framing News, Public Opinion, and U.S. Foreign Policy*. Chicago: University of Chicago Press.
- Field, A. 2005. *Discovering Statistics Using SPSS* (2nd Ed.). London: Sage Publications.
- Goffman, E. 1974. *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Cambridge: Harvard University Press.
- Gamson, W.A. & Modigliani, A. 1989. Media Discourse and Public Opinion on Nuclear Power: A Constructionist Approach. *American Journal of Sociology* 95: 1-37.
- Gans, H. 1979. *Deciding What's News*. New York: Patheon.
- Gitlin, T. 1980. *The Whole World is Watching: Mass Media in the Making and Unmaking of the New Left*. Berkely, California: University of California Press.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Latham, R. L. 2006. *Multivariate data analysis* (6th Ed.).Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.
- Iyengar, S. & Kinder, D.R. 1987. *News That Matters*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kahneman, D. & Tversky, A. 1984. Choices, Values, and Frames. *American Psychologist* 39: 341-350.
- McCombs, M.E. & Shaw, D.L. 1972. The Agenda-Setting Function of Mass Media. *The Public Opinion Quarterly* 36(2): 176-187.
- Nisbet, M.C. 2006. Attention Cycles and Frames in the Plant Biotechnology Debate. *The Harvard International Journal of Press/Politics* 11(2): 3-40.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS For Windows (version 15)*. Allen Unwin.
- Pan, Z. & Kosicki, G.M. 1993. Framing Analysis: An Approach to News Discourse. *Political Communication* 10: 55-75.
- Reese, S.D. 2001. Prologue—Framing Public Life: A Bridging Model for Media Research. Dalam Reese, S.D., Gandy, O.H. & Grant, A.E. (pnyt.). *Framing Public Life*, Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Scheufele, D.A. 1999. Framing as a Theory of Media Effects. *Journal of Communication* 49(1): 103-122.
- Scheufele, B. 2006. Frames, Schemata and News Reporting. *Communications* 31: 65-83.
- Semetko, H.A. & Valkenburg, P.M. 2000. Framing European Politics: A Content Analysis of Press and Television News. *Journal of Communication* 50(2): 93-109.
- Shoemaker, P.J. & Reese, S.D. 1996. *Mediating the Message: Theories of Influences on Mass Media Content*. (2nd Ed.). New York: Longman.

- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. 2007. *Using Multivariate Statistics* (5th Ed.). Boston: Pearson Education.
- Tuchman, G. 1978. *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: Free Press.
- Vreese, C.H. de 2003. *Framing Europe: Television News and European Integration*. Het Spinhuis, Amsterdam: Transaction Publishers.
- Weaver, D.H. 2007. Thoughts on Agenda Setting, Framing, and Priming. *Journal of Communication* 57: 142-147.

Lampiran 1: Senarai Akhbar-akhbar di Malaysia

Kategori	Akhbar
Bahasa Melayu	<i>Berita Harian, Utusan Malaysia, Utusan Melayu, Harian Metro, KOSMO!, Utusan Sarawak, Berita Petang Sarawak, Utusan Borneo</i>
Bahasa Inggeris	<i>New Straits Times, The Star, Malay Mail, The Sun, Daily Express, New Sabah Times, The Borneo Post (Sabah), The Borneo Post (Sarawak), New Sarawak Tribune (Eastern Times)</i>
Bahasa Mandarin	<i>Sin Chew Jit Poh, Guang Ming, Kwong Wah Yit Poh, Nanyang Siang Pau, China Press, Oriental Daily News, Asia Times, Overseas Chinese Daily News (OCDN/ Hua Qiao Ri Bao), See Hua Daily News, United Daily News, International Times</i>
Bahasa Tamil	<i>Makkal Osai, Malaysia Nanban, Tamil Nesan, Vanakkam Malaysia</i>